Praktis Lanjutan 1

BAB 1: Kedatangan Kuasa Barat

1. Sejauh manakah kestabilan dan kemakmuran negara kita menjadi faktor kedatangan kuasa Barat?

2. Bandingkan strategi perjanjian dan manipulasi yang digunakan oleh British bagi meluaskan kuasanya di negara kita.

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan oleh generasi hari ini untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman kuasa luar?

4. Jika anda seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda dapat memastikan negara tidak mudah dipengaruhi oleh kuasa asing?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 2

BAB 2: Pentadbiran Negeri-negeri Selat

1. Apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada peluasan pengaruh British di Negeri-negeri Selat?

2. Sejauh manakah Perjanjian London 1824 memberikan kesan terhadap Alam Melayu?

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan oleh sesebuah negara untuk menghadapi ancaman penjajahan bentuk baharu?

4. Jika anda seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda dapat memanfaatkan kedudukan strategik negara tanpa membenarkan kuasa asing menguasainya?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 3

BAB 3: Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

1. Sejauh manakah pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempengaruhi perkembangan ekonomi negeri-negeri Melayu?

2. Wajarkah perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British diterima oleh pemerintah tempatan?

3. Apakah idea yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang berkesan bagi menjamin kemakmuran negara?

4. Jika anda seorang pemimpin negeri, bagaimanakah anda dapat memanfaatkan kekayaan hasil bumi untuk meningkatkan kemakmuran rakyat tanpa bergantung pada kuasa asing?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 4

BAB 4: Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

1. Sejauh manakah pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dapat menjamin kestabilan negeri-negeri Melayu?

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengekalkan sistem pentadbiran tradisional dalam menghadapi perubahan pentadbiran British?

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang berkesan dalam memajukan negara?

4. Jika anda seorang pemimpin negeri, apakah pembaharuan pentadbiran yang akan anda lakukan untuk memastikan kepentingan rakyat dan kedaulatan negeri terus terpelihara?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 5

BAB 5: Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

1. Sejauh manakah peluasan kuasa Barat di Sarawak dan Sabah mempengaruhi sistem pentadbiran tempatan?

2. Pada pendapat anda, wajarkah peluasan kuasa Barat di Sarawak dan Sabah dikaitkan dengan usaha membentuk pentadbiran yang sistematik? Berikan alasan anda.

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang berdaya saing pada masa hadapan?

4. Jika anda seorang pemimpin tempatan, bagaimanakah anda dapat memodenkan sistem pentadbiran tanpa mengabaikan kepentingan masyarakat tempatan?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 6

BAB 6: Kesan Pentadbiran Barat terhadap Ekonomi dan Sosial

1. Sejauh manakah pentadbiran Barat membawa perubahan terhadap kegiatan ekonomi dan sosial di negara kita?

2. Pada pendapat anda, apakah kesan perkembangan ekonomi yang paling besar terhadap perubahan sosial masyarakat di negara kita?

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan pembangunan ekonomi negara dapat meningkatkan keharmonian rakyat?

4. Jika anda seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda dapat merancang pembangunan ekonomi yang seimbang tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang kaum?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 7

BAB 7: Penentangan Masyarakat Tempatan

1. Sejauh manakah penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat wajar dianggap sebagai usaha mempertahankan hak dan maruah bangsa?

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan kebijaksanaan dalam mengatur strategi penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat?

3. Apakah ciri-ciri kepimpinan yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin untuk mempertahankan kedaulatan negara?

4. Jika anda seorang pemimpin masyarakat pada masa kini, bagaimanakah anda dapat menggalakkan rakyat bekerjasama dalam mempertahankan kedaulatan negara?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 8

BAB 8: Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat

1. Sejauh manakah usaha raja dan pembesar Melayu berjaya menangani cabaran Barat?

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan kebijaksanaan pemerintah dalam mempertahankan kepentingan negeri daripada campur tangan kuasa Barat?

3. Apakah langkah yang boleh dilakukan oleh pemimpin negara pada masa kini untuk menghadapi cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara?

4. Jika anda seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat menggabungkan kebijaksanaan, kerjasama dan pemodenan untuk mempertahankan kedaulatan negara?

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.